

*Jurnal Kinabalu III (1997) 198 - 201*

**IMPAK PEMBANGUNAN TERHADAP ALAM SEKITAR**

oleh *Jamaluddin Md. Jahi. Bangi*, Malaysia: Penerbit UKM,  
1996, 249 hlm. (ISBN 967-942-347-6)

*Aliakbar Gulasan\**

Jamaluddin Md. Jahi adalah merupakan seorang Profesor di Jabatan Geografi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM). Beliau juga adalah Pengarah Bersekutu (Pengurusan Ekosistem Persisiran) di Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM dan Pengarah Program Diploma Siswazah, Keselamatan Industri di Pusat Pengajian Siswazah , UKM.

Buku ini telah diterbitkan pada tahun 1996 yang terbahagi kepada 7 bab. Ia merupakan sebuah buku yang amat relevan bagi pengkaji dan penganalisis alam sekitar khususnya di Semenanjung Malaysia. Di dalam bab 1 (pendahuluan), penulis dengan jelas cuba melihat perkaitan diantara pembangunan dengan alam sekitar. Tahap pembangunan umumnya di ukur melalui pelbagai bidang terutamanya ekonomi, kemudahan infrastruktur, kemudahan sosial serta budaya, tetapi kesannya terhadap alam sekitar jarang dipertimbangkan. Menurut penulis, Jabatan Alam Sekitar ( JAS) yang ditubuhkan pada tahun 1975, telah berusaha untuk mengawal dan mempertingkatkan mutu alam sekitar. Pada halaman 21 dalam buku ini, penulis menimbulkan satu persoalan adakah manusia sebenarnya termasuk dalam alam sekitar. Dalam buku ini terdapat dua pandangan iaitu pertama daripada pandangan keagamaan barat

---

\* *Aliakbar Gulasan ialah pensyarah dalam Program Geografi, Universiti Malaysia Sabah.*

yang menyatakan manusia itu bukan sebahagian daripada alam sekitar. Ini disebabkan manusia dianggap sebagai satu entiti yang lebih tinggi darjatnya daripada benda lain. Pandangan kedua menyatakan manusia sebahagian daripada alam sekitar menyebabkan timbulnya dua sistem dalam bumi ini iaitu alam sekitar fizikal dan alam sekitar manusia.

Menurut penulis, pengurusan akan melibatkan penggunaan kemahiran yang diketahui ataupun yang diperolehi terhadap alam sekitar untuk memulih atau mengurangkan kemerosotan dan memastikan keupayaan alam sekitar diteruskan bagi kegunaan berikutnya yang beliau kaitkan secara khusus dengan 'pembangunan berterusan'.

Buku ini melihat pembangunan yang dilaksanakan sejak zaman penjajah sehingga kini serta impaknya terhadap alam sekitar. Kemerosotan kualiti alam sekitar ini dilihat kepada kualiti air, pencemaran udara, bunyi bising dan pencemaran sampah sarap khususnya di Lembah Kelang. Saya melihat penulis cuba mengemukakan dua kaedah penting yang boleh digunakan dalam pengurusan alam sekitar iaitu melalui sistem perundangan dan secara bukan perundangan.

Dalam bab 4, buku ini cuba melihat berkenaan pengurusan alam sekitar melalui sistem perundangan. Menurut penulis, peraturan yang terdapat dalam perundangan berkaitan alam sekitar wujud sebelum Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 mempunyai banyak masalah kerana wujudnya tindakan-lapis, penentuan bidang kuasa yang tidak jelas dan juga tidak terdapat garis panduan yang selaras (hlm. 26). Perundangan alam sekitar ini akan melibatkan sumber jaya dan di Malaysia perkara ini menjadi lebih kompleks disebabkan wujudnya pembahagian tanggungjawab yang berbeza antara Parlimen Persekutuan dan Dewan Undangan Negeri. Inilah yang menyebabkan wujudnya tiga pembahagian dalam undang-undang iaitu Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama. Sebelum merdeka penulis bahagikan kepada Undang-undang Sumber Jaya, Undang-undang berkaitan Alam

Sekitar dan Kesihatan manakala selepas merdeka disentuh mengenai perundangan pencemaran air, perundangan pencemaran udara, perundangan pencemaran sampah sarap, bunyi bising dan perundangan lain yang berkaitan dengan pengurusan alam sekitar. Perkara yang paling penting dalam bab ini ialah mengenai Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (hlm. 142) di mana ianya digubal sebagai perundangan yang komprehensif dan memberikan asas undang-undang yang sama bagi mengkordinasikan kesemua aktiviti berkaitan pengawalan alam sekitar seluruh negara.

Bab 5 buku ini membincangkan berkenaan pengurusan alam sekitar secara bukan perundangan yang melibatkan Jabatan Alam Sekitar, institusi-institusi pengajian, Pertubuhan Bukan Kerajaan(NGO), media massa dan peranan sektor swasta. Jabatan Alam Sekitar yang menjadi tunggak utama dalam hal ini menjalankan strategi pengurusan secara statut dan bukan statut. Cara statut melibatkan penguatkuasaan undang-undang yang termaktub dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 manakala bukan statut dijalankan dengan menyediakan garis panduan serta cara tertentu yang dicadangkan kepada negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi menjalankannya. Dalam bab ini diberikan beberapa garis panduan iaitu Garis Panduan Penempatan dan Penzonan Industri, Garis Panduan Mencegah serta Mengawal Hakisan Tanah dan Kelodakan, Kod Amalan yang disyorkan untuk Pelupusan Buangan Pepejal ke atas tanah, Garis panduan umum bagi langkah Kawalan Pencemaran Udara dalam kilang kelapa sawit dan Garis Panduan Penilaian Impak Alam sekitar. Selain itu pendidikan formal atau tidak formal juga dianggap sebagai satu kaedah yang termasuk dalam bahagian ini. Dalam bab 6, penulis cuba menunjukkan keberkesanan terhadap usaha-usaha yang dilakukan sama ada secara perundangan dan bukan perundangan terhadap keadaan semasa. Saya merasakan ini juga sebagai satu kekuatan dalam sesebuah penulisan kerana ianya dapat membuat kesimpulan dengan memberikan kesan daripada kesemua perkara yang dibincangkan sebelumnya.

Pada bab tujuh penulis menyentuh isu-isu berkenaan pembangunan berterusan seperti yang disarankan oleh Laporan Brunthland. Di Malaysia, Jabatan Alam Sekitar menjalankan strategi serampang tiga mata (hlm. 215) iaitu kawalan dan pencegahan pencemaran, perancangan guna tanah dan perancangan projek bersepadu di mana kesemuanya menekankan kepada pencegahan dan bukan pengubatan. Walau bagaimanapun saya berpendapat buku ini akan menjadi lebih lengkap sekiranya terdapat perbandingan dari segi perundangan dan bukan perundangan yang telah dilaksanakan di negara lain khususnya di negara-negara maju yang sudah menerima kesan daripada pengurusan alam sekitar yang mereka jalankan. Sekiranya perkara ini dapat dimasukkan maka suatu keadaan yang lebih luas dapat digambarkan dalam buku ini dan sudah tentu akan menimbulkan kepuasan kepada pembaca.